

Gold Coast 2018
4 - 15 April



SUKAN KOMANWEL

Badminton individu negara cemerlang

Gold Coast: Aksi badminton pusingan kedua membabitkan acara perseorangan dan beregu di Sukan Komanwel 2018 menyaksikan skuad negara cuba bangkit untuk melupakan kekalahan kepada India dalam aksi final berpasukan campuran.

Soniia Cheah-Shevon Lai menewaskan gandingan Ghana Grace Atipaka-Gifty Mensah 21-8, 21-4 dalam aksi beregu wanita.

Menurut Soniia, kemenangan dalam acara beregu wanita itu menggembirakannya apatah lagi ia bukan acara yang biasa disertainya.



"Acara beregu bukan acara utama kami kerana saya beraksi dalam acara perseorangan manakala Shevon pula pemain beregu campuran," katanya.

Gandingan Goh Soon Huat-Shevon pula menewaskan gandingan adik beradik Ciaran dan Sinead Chambers dari Ireland Utara 21-6, 21-12 dalam aksi beregu campuran.

Sementara itu, Datuk Lee Chong Wei pula tidak berdepan masalah menundukkan Benjamin Li dari Isle of Man dengan kemenangan 21-6, 21-3.


Soniia pula sekali lagi cemerlang dalam acara perseorangan apabila menewaskan Rachael Darragh dari Ireland Utara 21-5, 21-12.

Skuad triples wanita kandas suku akhir

Gold Coast: Perjuangan skuad triples wanita di Sukan Komanwel 2018 terkandas di suku akhir apabila tewas kepada Scotland di Broadbeach Bowls Club semalam.

Auni Fathiah Kamis, Nur Fidrah Noh dan Azlina Arshad terpaksa akur dengan kehebatan Kay Moran, Stacey McDougall dan Caroline Brown apabila tewas 15-17.

Bagaimanapun, pairs wanita terdiri daripada Emma Firryana Saroji-Siti Zalina Ahmad yang masih beraksi di pusingan kelayakan menewaskan Botswana 29-7 sebelum mengecewakan Scotland



18-11 pada pusingan keempat dan kelima. "Kami sudah menang dua perlawanan di peringkat kumpulan, kami perlu teruskan rentak kemenangan ini," katanya selepas perlawanan menentang Botswana.

"Cuaca berangin mendatangkan masalah terutama kepada Botswana menyebabkan mereka juga perlu melakukan sesuatu jika mahu terus melakar kemenangan.

"Pasukan menghadapi masalah begitu juga dengan kami yang sukar membiasakan diri dengan cuaca berangin.



[FOTO YAZIT RAZALI]

Pandelega dan Jun Hoong memenangi pingat emas, manakala Mun Yee dan Nur Dhabitah memenangi pingat gangsa dalam acara 10m platform seirama di Optus Aquatic Centre, Sukan Komanwel Gold Coast 2018.

Terjunan emas Jun Hoong-Pandelega



➔ Gangsa turut menjadi milik kontinjen negara acara 10m seirama

Oleh Naqib Nor Said
naqib@nstp.com.my

► Gold Coast

Angin kuat tidak membataskan terjunan Cheong Jun Hoong-Pandelega Rinong untuk meraih kemenangan mudah apabila memenangi pingat emas Sukan Komanwel dalam 10m platform seirama

wanita di Optus Aquatic Centre, semalam.

Jun Hoong-Pandelega yang juga pemenang perak Sukan Olimpik 2016, memukau barisan juri dengan lima terjunan bertaraf dunia - sebelum 52.80, 53.40, 70.20, 76.80, 74.88 - untuk mengumpul keseluruhan 328.08 mata sekali gus memimpin aksi daripada mula hingga ke terjunan terakhir.

Sebagai rekod, ia adalah pingat emas ketiga dimenangi skuad terjun negara sepanjang penyertaan dalam Sukan Komanwel selepas Pandelega (10m platform pada edisi 2010) dan Ooi Tze Liang (3m papan anjal pada edisi 2014).

Lebih manis, Malaysia turut merangkul pingat gangsa acara ini menerusi gandingan Leong Mun Yee-Nur Dhabitah Sabri yang mencatat 308.16 mata dengan

perak menjadi milik penerjun Kanada Meaghan Benfeito-Caeli McKay (312.12).

Untuk Jun Hoong, ia adalah hari istimewa buatnya kerana emas itu adalah pingat pertamanya sejak membuat penampilan di Sukan Komanwel sejak 2006.

"Saya amat gembira dan bersyukur. Terima kasih kepada Pandelega, saya akhirnya memenangi pingat pertama di Sukan Komanwel. Ia juga adalah emas pertama Malaysia dalam 10m platform seirama," kata ratu terjun kelahiran Ipoh itu.

TPM ucap tahniah

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi mengucapkan tahniah kepada Pandelega Rinong dan Cheong Jun Hoong atas kejayaan memenangi emas di Sukan Komanwel.

"Pingat EMAS ke-3 hadiah buat Malaysia dalam acara Terjun 10m Platform Seirama (W). Tahniah @cheongjun-

hoong & @Pandelega_R. Ayuh, teruskan sokongan untuk atlet negara di #GC2018.

"Tahniah @AngelaLeong & @bitahsabri127 berjaya peroleh pingat Gangsa buat negara dalam aksi terjunan 10m platform (W). Terbaik Malaysia #GC2018," katanya menerusi akaun rasmi Twitter miliknya.

Mun Yee-Dhabitah raih gangsa

BERITA HARIAN 12/4/2018 P. 06

Gold Coast: Gandingan Leong Mun Yee-Nur Dhabitah Sabri meraih pingat pertama mereka di Sukan Komanwel dalam acara 3m papan anjal seirama wanita di Pusat Akuatik Optus, pagi semalam.

Mun Yee dan Dhabitah terciir 61.40 mata di belakang pemenang pingat emas ketika terjunan kelima mereka sedikit terganggu sekali gus meraih gangsa dengan

catatan keseluruhan, 264.90 mata. Mereka merekodkan 46.80, 48.00, 69.30 dan 58.50 pada empat terjunan awal.

Pendorong

Pemenang emas dari Australia, Esther Qin-Georgia Sheehan merekodkan catatan keseluruhan 284.10 mata manakala Alicia Blagg-Katherine Torrance (England), di tangga kedua

dengan 276.90 mata.

"Kami hanya digandingkan bersama hanya beberapa bulan lalu dan Sukan Komanwel ini adalah kejohanan ketiga kami bersama selepas bulan lalu di Siri Dunia di Beijing dan Fuji.

"Jadi, tempat ketiga ini adalah satu pendorong yang bagus," kata Mun Yee.

"Secara jujurnya, saya sangat gembira, saya tidak melakukan

dengan baik dalam latihan berbanding Dhabitah, tetapi hari ini saya okey,"

Mun Yee, 34, berkata: "Cuaca agak berangin ketika pertandingan dan sebab itulah ramai gandingan melakukan kesilapan."

Sementara itu, Dhabitah tidak mampu mengawal emosinya ketika majlis penyerahan pingat namun tampak tenang ketika ditemubual media.